



Good food, Good life

## Peraduan Minum MILO® Menang Gold TERMA DAN SYARAT

### A: Jadual Syarat Penyertaan

<b>Penganjur</b>	Nestlé Products Sdn. Bhd. (197901000966)																														
<b>Promosi</b>	<b>Peraduan Minum MILO® Menang Gold</b>																														
<b>Tempoh Promosi</b>	Peraduan ini bermula pada jam 00:00:00 pada 15hb Mei 2023 dan ditutup pada 23:59:59 pada 25hb Jun 2023.																														
<b>Kelayakan</b>	Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh permulaan Tempoh Peraduan yang memegang dokumen pengenalan Malaysia yang sah (MyKad).																														
<b>Kaedah Penyertaan</b>	<p><b>Penghantaran borang secara dalam talian</b></p> <p>Untuk menyertai Peraduan ini, beli sebarang produk Milo Campur/Serbuk seperti yang disenaraikan dalam item no.3 ("<b>Produk Terlibat</b>") dalam satu resit ("<b>Bukti Pembelian</b>") dalam Tempoh Peraduan dari mana-mana kedai Lotus's atau kedai Lotus's dalam talian di <a href="https://www.lotuss.com.my/en">https://www.lotuss.com.my/en</a> , <a href="https://s.lazada.com.my/s.UBUI3">https://s.lazada.com.my/s.UBUI3</a> dan <a href="https://shopee.com.my/lotuss.fbs">https://shopee.com.my/lotuss.fbs</a> ("<b>Cawangan Terlibat</b>").</p> <ol style="list-style-type: none"><li>Tulis di hadapan Bukti Pembelian asal, nama penuh anda (seperti MyKad) dan nombor MyKad. Contohnya, <i>Wong Yeung Ling, 851120-08-4881</i>.</li><li>Ambil gambar yang jelas Bukti Pembelian, isi semua medan data dalam borang penyertaan di <a href="https://registration.nestle.com.my/peraduan-minum-milo-menang-gold-2023">https://registration.nestle.com.my/peraduan-minum-milo-menang-gold-2023</a> dan muat naik gambar Bukti Pembelian dan hantar ("<b>Penyertaan</b>").</li><li>Senarai Produk Terlibat ialah:</li></ol> <table border="1"><thead><tr><th>SEGMENT</th><th>SKU</th></tr></thead><tbody><tr><td>SERBUK MILO</td><td>MILO 1.5KG</td></tr><tr><td>SERBUK MILO</td><td>MILO (SOFTPACK) 200G</td></tr><tr><td>SERBUK MILO</td><td>MILO (SOFTPACK) 400G</td></tr><tr><td>SERBUK MILO</td><td>MILO (SOFTPACK) 1KG</td></tr><tr><td>SERBUK MILO</td><td>MILO (SOFTPACK) 2KG</td></tr><tr><td>SERBUK MILO</td><td>MILO 2KG (FOC200G)</td></tr><tr><td>SERBUK MILO</td><td>*MILO HI FIBER 900G</td></tr><tr><td>CAMPURAN MILO</td><td>MILO FUZE 3IN1 BIASA 30-AN X 33g</td></tr><tr><td>CAMPURAN MILO</td><td>MILO FUZE 3IN1 BIASA 8s X 33g</td></tr><tr><td>CAMPURAN MILO</td><td>MILO 3IN1 18X33G</td></tr><tr><td>CAMPURAN MILO</td><td>MILO 3IN1 18X33G FOC 3S</td></tr><tr><td>CAMPURAN MILO</td><td>*MILO ORIGINAL 18X30G</td></tr><tr><td>CAMPURAN MILO</td><td>*MILO ACTIV GO LESS SUGAR 10X27G</td></tr><tr><td>CAMPURAN MILO</td><td>*MILO ACTIV GO BIJIRIN 10X36G</td></tr></tbody></table> <p>* Produk Terlibat Pegganda</p>	SEGMENT	SKU	SERBUK MILO	MILO 1.5KG	SERBUK MILO	MILO (SOFTPACK) 200G	SERBUK MILO	MILO (SOFTPACK) 400G	SERBUK MILO	MILO (SOFTPACK) 1KG	SERBUK MILO	MILO (SOFTPACK) 2KG	SERBUK MILO	MILO 2KG (FOC200G)	SERBUK MILO	*MILO HI FIBER 900G	CAMPURAN MILO	MILO FUZE 3IN1 BIASA 30-AN X 33g	CAMPURAN MILO	MILO FUZE 3IN1 BIASA 8s X 33g	CAMPURAN MILO	MILO 3IN1 18X33G	CAMPURAN MILO	MILO 3IN1 18X33G FOC 3S	CAMPURAN MILO	*MILO ORIGINAL 18X30G	CAMPURAN MILO	*MILO ACTIV GO LESS SUGAR 10X27G	CAMPURAN MILO	*MILO ACTIV GO BIJIRIN 10X36G
SEGMENT	SKU																														
SERBUK MILO	MILO 1.5KG																														
SERBUK MILO	MILO (SOFTPACK) 200G																														
SERBUK MILO	MILO (SOFTPACK) 400G																														
SERBUK MILO	MILO (SOFTPACK) 1KG																														
SERBUK MILO	MILO (SOFTPACK) 2KG																														
SERBUK MILO	MILO 2KG (FOC200G)																														
SERBUK MILO	*MILO HI FIBER 900G																														
CAMPURAN MILO	MILO FUZE 3IN1 BIASA 30-AN X 33g																														
CAMPURAN MILO	MILO FUZE 3IN1 BIASA 8s X 33g																														
CAMPURAN MILO	MILO 3IN1 18X33G																														
CAMPURAN MILO	MILO 3IN1 18X33G FOC 3S																														
CAMPURAN MILO	*MILO ORIGINAL 18X30G																														
CAMPURAN MILO	*MILO ACTIV GO LESS SUGAR 10X27G																														
CAMPURAN MILO	*MILO ACTIV GO BIJIRIN 10X36G																														

	<p>4. Setiap Penyertaan dengan Pembelian minimum Ringgit Malaysia Lapan Belas (RM18.00) ("Nilai Minimum") mewakili (1) satu Penyertaan Layak dan satu (1) nombor siri akan diperuntukkan secara automatik bagi setiap Penyertaan Layak yang diterima. Bagi Penyertaan dengan Bukti Pembelian yang terdiri daripada Produk Terlibat Pengganda dengan nilai minima RM18.00 atau lebih, nombor siri tambahan akan diperuntukkan. Sebagai contoh, Bukti Pembelian dengan *Milo asli (original) 18 x 30g bernilai RM18.29 akan diperuntukkan dua (2) nombor siri.</p> <p>5. Penyertaan Berkelayakan di mana pembelian melebihi Nilai Minimum dalam satu Bukti Pembelian akan diperuntukkan nombor siri tambahan secara automatik berdasarkan setiap Nilai Minimum berikutnya yang dipenuhi.</p> <p>Contoh:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Bagi Bukti Pembelian dengan pek lembut (Softpack) Milo 2kg RM37.99 dan *Milo asli (original) 18x30g RM18.29, sebanyak (4) empat nombor siri akan diperuntukkan.</li> <li>b) Untuk Bukti Pembelian *Milo asli (original) 18x30g bernilai RM18.29, (2) dua nombor siri akan diberikan.</li> </ol> <p>6. Penganjur tidak akan menerima apa-apa perubahan Bukti Pembelian dalam apa jua bentuk. Resit tulisan tangan, Pesanan pembelian dan/atau nota penghantaran tidak akan diterima sebagai Bukti Pembelian.</p> <p>7. Walaubagaimana pun di atas, setelah menerima Penyertaan dan/atau semasa pemilihan pemenang, mengikut mana-mana yang berkenaan, Penganjur berhak untuk meminta bukti lanjut dalam pemprosesan Penyertaan termasuk Bukti Pembelian asal (hardcopy) dan dokumen pengenalan untuk pengesahan sebelum penghantaran hadiah. Kegagalan mengemukakan mana-mana dokumen di atas dalam tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan pelucutan hak keatas hadiah yang ditawarkan.</p>
<p><b>Tarikh Akhir Penyertaan</b></p>	<p>Semua penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 23:59:59 pada <b>25hb Jun 2023</b>. Sebarang penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.</p> <p>Untuk penyertaan mingguan, Penganjur akan menerima penyerahan Penyertaan pada atau sebelum 23:59:59 pada tarikh terakhir setiap <b>Minggu Peraduan</b> seperti yang dibentangkan di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Minggu 1: 15 Mei 2023 – 21 Mei 2023</b></li> <li>• <b>Minggu 2: 22 Mei 2023 – 28 Mei 2023</b></li> <li>• <b>Minggu 3: 29 Mei 2023 – 04 Jun 2023</b></li> <li>• <b>Minggu 4: 5 Jun 2023 – 11 Jun 2023</b></li> <li>• <b>Minggu 5: 12 Jun 2023 – 18 Jun 2023</b></li> <li>• <b>Minggu 6: 19 Jun 2023 – 25 Jun 2023</b></li> </ul>
<p><b>Perincian Pengadilan</b></p>	<p><b><u>Penyertaan akan disahkan berdasarkan perkara berikut:</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Semua maklumat peribadi yang diperlukan untuk peraduan ini diberikan (<b><u>Nama Penuh &amp; Nombor MyKad</u></b>);</li> <li>2. Gambar Bukti Pembelian yang menunjukkan Produk Terlibat, nombor resit, tarikh pembelian dalam Tempoh Peraduan, nilai pembelian dan nama cawangan jelas kelihatan;</li> <li>3. Tiada perubahan atau pertindihan dalam apa-apa bentuk yang dibuat kepada Bukti Pembelian;</li> </ol>

	<p>4. Sekiranya pembelian secara e-dagang bagi Produk Terlibat telah dibuat, hanya e-resit yang dijana melalui laman web rasmi kedai dalam talian Lotus's akan diterima sebagai Bukti Pembelian;</p> <p>5. Pesanan pembelian dan nota penghantaran <b>tidak</b> akan diterima sebagai Bukti Pembelian.</p>
<p><b>Hadiah dan Pemilihan Pemenang</b></p>	<p><b><u>Hadiah Peraduan</u></b>  Sebanyak 182 Penyertaan Layak yang akan dipilih sebagai pemenang sepanjang Tempoh Peraduan.</p> <p><b>Hadiah Utama</b>  2 x Milo® Koleksi Van Emas – Set 4 (999.9 Emas kira-kira 7gm-7.5gm setiap satu)  (Sejumlah 2 pemenang sepanjang Tempoh Peraduan)</p> <p><b>Hadiah Mingguan</b>  30 x RM50 Baucar Lotus's (X 6 minggu)  (Sejumlah 180 pemenang Mingguan sepanjang Tempoh Peraduan)</p> <p>Senarai pemenang juga akan diumumkan di laman sesawang Penganjur;  <a href="https://www.dearnestle.com.my/minum-milo-menang-gold-2023">https://www.dearnestle.com.my/minum-milo-menang-gold-2023</a></p> <p>Senarai pemenang akan diumumkan mengikut jadual di bawah:</p> <p><b>Pemenang Minggu 1:</b> 2 Jun 2023  <b>Pemenang Minggu 2:</b> 9 Jun 2023  <b>Pemenang Minggu 3:</b> 16 Jun 2023  <b>Pemenang Minggu 4:</b> 23 Jun 2023  <b>Pemenang Minggu 5:</b> 30 Jun 2023  <b>Pemenang Minggu 6:</b> 7 Julai 2023</p> <p>Setiap peserta layak memenangi <b>maksimum dua (2)</b> hadiah sahaja sepanjang Tempoh Peraduan:  1 x Hadiah Mingguan &amp; 1 x Hadiah Utama</p> <p><b>KAEDAH PEMILIHAN SENARAI PENDEK PEMENANG:</b></p> <p><b>A. Hadiah Mingguan – 30 x RM50 Baucar Lotus's</b>  Terdapat tiga puluh [30] x RM50.00 Baucar Lotus's untuk dimenangi sepanjang Tempoh Minggu Peraduan.</p> <p>Pemenang akan disenarai pendek berdasarkan jumlah nombor bersiri yang diperuntukkan untuk Penyertaan Layak yang diterima sepanjang tempoh <b>Minggu Peraduan</b> (cth., 850 nombor siri) ÷ 30 = nombor bersiri menang, contohnya: <math>850 \div 30 = 28.33 = 28</math> (Nombor pengganda dalam hal ini ialah 28 )</p> <p>Oleh itu, pemenang Hadiah Mingguan yang disenarai pendek ialah penyertaan nombor Siri ke-28 dan nombor siri berikutnya dengan penggandaan 28. Contoh nombor yang menang adalah nombor siri 28,56,84,112, 140 dan seterusnya (sehingga 30 nombor siri) akan dipilih sebagai Pemenang yang disenarai pendek.</p> <p>Formula pembundaran akan dilakukan di mana nilai perpuluhan timbul, nombor akan dibundarkan ke bawah ke nombor digit tunggal terdekat.</p>

	<p>Seramai <b>30 PEMENANG</b> akan disenarai pendek untuk Hadiah Mingguan bagi setiap Minggu Peraduan.</p> <p><b>B. Hadiah Utama – 2 X Milo® Koleksi Van emas – Set 4</b></p> <p>Pemenang akan disenaraikan pendek berdasarkan jumlah nombor bersiri yang diperuntukkan untuk Penyertaan Layak yang diterima sepanjang <b>Tempoh Peraduan</b> (contohnya, 5100 nombor siri) <math>\div 2 =</math> nombor siri menang.  Sebagai contoh: Andaikan jumlah penyertaan yang layak diterima sepanjang Tempoh Peraduan adalah sebanyak 5100,  <math>= 5100 \div 2 = 2550</math>  (Nombor pengganda dalam hal ini ialah 2550)</p> <p>Pemenang Hadiah Utama yang disenarai pendek ialah penyertaan nombor siri ke 2550 dan nombor siri berikutnya dengan penggandaan 2550. Contoh nombor bersiri yang menang adalah 2550 dan 5100 akan dipilih sebagai pemenang senarai pendek Hadiah.</p> <p>Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan, nombor akan dibundarkan ke bawah kepada nombor digit tunggal terdekat.</p> <p>Seramai <b>2 PEMENANG</b> akan disenarai pendek untuk Hadiah Utama sepanjang Tempoh Peraduan.</p> <p><b>Penyertaan yang disenarai pendek</b>  Pemenang yang terpilih berdasarkan kaedah pemilihan nombor siri akan dimaklumkan atau dihubungi melalui WhatsApp daripada nombor peraduan <b>013-6113001</b> untuk menjawab soalan peraduan yang ringkas.</p> <p>Pemenang yang disenarai pendek mesti membalas dan memberikan jawapan yang betul melalui WhatsApp ke nombor peraduan <b>013-6113001</b> dalam tempoh masa yang ditetapkan untuk layak memenangi hadiah. Kegagalan mematuhi akan menyebabkan pelucutan hak ke atas hadiah dan pemenang yang disenarai pendek seterusnya akan dipilih sebagai pengganti. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang yang disenarai pendek tidak dapat dihubungi atas apa juga sebab.</p> <p>Setelah menerima jawapan yang betul daripada pemenang yang disenarai pendek ("Pemenang Berkelayakan"), Pemenang yang layak akan dihubungi melalui WhatsApp dari nombor <b>013-6113001</b> untuk memberitahu mereka tentang jawapan yang betul dan untuk menyemak pengumuman pemenang di Laman sesawang Dear Nestle. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemenang Layak tidak dapat dihubungi atas apa juga sebab.</p>
<p><b>Tarikh Tuntutan/Serahan Hadiah</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Semua hadiah akan diproses untuk dihantar kepada Pemenang Layak dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu selepas tarikh tamat Peraduan; <b>25 Jun 2023</b>. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah klausa ini diatas sebab-sebab di luar kawalan Penganjur.</li> <li>2. Penggunaan Baucar-Baucar Lotus's adalah tertakluk kepada Terma &amp; Syarat Lotus's Malaysia Sdn Bhd; <a href="https://www.lotuss.com.my/en/mylotuss/terms-conditions">https://www.lotuss.com.my/en/mylotuss/terms-conditions</a></li> <li>3. Hadiah mesti dituntut dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pengumuman pemenang atau notis tuntutan hadiah, yang mana dulu, jika gagal akan menyebabkan pembatalan dan pelucutan hak Hadiah. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah klausa ini kerana sebab-sebab di luar kawalan Penganjur.</li> </ol>

	<p>4. Penganjur tidak akan dipertanggungjawabkan di atas semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian kepada Peraduan atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka di luar kawalan Penganjur seperti gangguan kerajaan, kekecohan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan kebangsaan, berlakunya sebarang wabak / wabak pandemik) dan untuk apa-apa tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.</p> <p>5. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku kepada hadiah semasa proses penghantaran. Sebarang kos tambahan lain (iaitu, perbelanjaan perjalanan, kos pengangkutan, duti dan cukai) yang terlibat untuk menebus atau mengambil hadiah dan/atau hadiah gantian akan ditanggung oleh pemenang dengan kos mereka sendiri.</p> <p>6. Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk menggantikan mana-mana hadiah yang dimenangi dengan hadiah lain yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. Tiada alternatif tunai atau bayaran balik akan ditawarkan.</p> <p>7. Semua pemenang mesti, atas permintaan Penganjur, menyediakan dokumen pengenalan yang diminta serta Bukti Pembelian asal (dalam hardcopy) untuk pengesahan sebelum penghantaran hadiah. Kegagalan mengemukakan mana-mana dokumen di atas dalam tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan pelucutan hak pemenang dan pelucutan hak keatas hadiah.</p>
--	--

*Jadual Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama-sama dengan **Syarat-Syarat Penyertaan** yang terdapat di <https://www.dearnestle.com.my/minum-milo-menang-gold-2023> secara kolektif dirujuk sebagai "Terma dan Syarat", dan akan mengikat semua peserta (dan ibu bapa/penjaga peserta yang sah, untuk peserta bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai "Peserta", "Anda", ).*

**B: Syarat-syarat Penyertaan**

**1. Pengenalan**

- 1.1. Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai "Terma dan Syarat". Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Promosi, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Promosi akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Promosi termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif pada semua Peserta, dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

## **2. Penyertaan Promosi**

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Promosi ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Promosi ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Promosi ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau bukti penerimaan yang tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

## **3. Kelayakan**

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Promosi ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

## **4. Ketidaklayakan**

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Promosi ini:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Promosi ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka)

## **4. Perlucutan Kelayakan**

- 5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:
  - (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
  - (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.
- 5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:
  - (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Promosi dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau

- (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

## **6. Hadiah**

6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

### **(a) Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

### **(b) Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti dituntut menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

6.5 Hadiah diberikan berasaskan "keadaan seperti sedia ada". Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.

6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.

6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

## **7. Publisiti**

Penganjur boleh menggunakan penyertaan seorang Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Promosi (secara kolektif dirujuk sebagai "Material"), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barangan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

## **8. Hak Milik Harta Intelek**

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Promosi ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

## **9. Indemniti**

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan kerosakan berbangkit ) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Promosi, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Promosi ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

## **10. Had Liabiliti**

10.1 Penyertaan Peserta dalam Promosi ini adalah atas risiko Peserta sendiri.

10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Promosi ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

## **11. Am**

11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Promosi dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.

11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan promosi) berhubung dengan Promosi ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Promosi ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.

11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.

11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Promosi ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Promosi yang selainnya.

11.5 Di mana Terma dan Syarat Promosi ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.

11.6 Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.



## 12. Notis Privasi

- 12.1 Dengan menyertai **Peraduan Minum MILO® Menang Emas**", Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur selaras dengan Notis Privasi di [https://www.nestle.com.my/info/privacy\\_notice](https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice)
- 12.2 By participating in the "**Peraduan Minum MILO® Menang Gold**" contest, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organiser in accordance with the Privacy Notice in [https://www.nestle.com.my/info/privacy\\_notice](https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice)